

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

28 peratus kanak-kanak didaftarkan dapat vaksin

Ibu bapa digesa segera bawa anak untuk pelalian, elak dedah risiko kesihatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lebih satu juta atau 28 peratus kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun di negara ini sudah berdaftar untuk mendapatkan vaksin COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata, seramai 1,022,966 kanak-kanak akan mendapatkan pelalian berkenaan menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), yang diperkenalkan sejak 3 Februari lalu.

Pada masa sama, Khairy berharap ibu bapa tidak mengambis sikap 'tunggu dan lihat' dalam isu pemberian vaksin kepada

anak mereka.

"Ini kerana kadar kemasukan kanak-kanak ke hospital mula meningkat. Daftarkan anak anda untuk PICKids hari ini," katanya dalam ciapan di Twitter.

Khairy berkata seramai 269,400 kanak-kanak di Selangor sudah didaftarkan untuk menerima imuniti COVID-19, sekali gus menjadi negeri paling tinggi dalam pendaftaran PICKids.

"Ia diikuti Johor (150,800), Kuala Lumpur (96,700), Sarawak (90,000), Pulau Pinang (69,000), Perak (66,000), Kedah (55,400), Pahang (44,500), Melaka (39,500), Sabah (39,000) dan Negeri Sembilan (36,000).

"Selain itu, Terengganu (28,100), Kelantan (21,900), Putrajaya (9,200), Perlis (4,700) dan Labuan (2,000)," katanya.

Memperincikan jumlah pemberian vaksin mengikut etnik, Khairy berkata, kanak-kanak daripada kaum Cina paling tinggi mendapatkan pelalian berkenaan di negara ini iaitu sebanyak 46.4 peratus.

"Kanak-kanak kaum Cina dilapan negeri yang sudah mendapat-

kan vaksin melebihi 50 peratus ialah di Melaka (80.3 peratus), Kedah (65.5 peratus), Kuala Lumpur (61.3 peratus), Perak (58.4 peratus), Pahang (58.1 peratus), Perlis (59 peratus), Terengganu (53.6 peratus) dan Selangor (53.5 peratus)," katanya.

Sementara itu, menerusi laman web COVIDNOW, sehingga kelmarin, sebanyak 14.5 peratus atau 513,393 kanak-kanak di negara ini sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Jumlah itu dicapai selepas sejumlah 58,894 dos diberikan kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVIDNOW, sebanyak 513,393 individu atau 14.5 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia menerima dos pertama vaksin COVID-19 melalui PICKids, setakat kelmarin.

Sejumlah 13,992,391 atau 59.5 peratus populasi dewasa di dalam negara pula menerima dos penggalak COVID-19 dan seramai 22,944,168 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi, manakala

23,221,715 atau 98.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,799,806 individu atau 90 peratus daripada kumpulan itu melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 2,884,882 atau 92.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 128,153 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin, membabitkan 61,230 suntikan dos pertama, 464 suntikan dos lengkap dan 66,459 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif vaksin bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CIK) kini meningkat kepada 66,148,498.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 37 kes kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmarin, dengan Johor merekodkan sembilan kes, diikuti Selangor (tujuh), Kedah (enam), Perak dan Sabah masing-masing empat kes, Pulau Pinang (tiga), Pahang (dua) dan satu kes masing-masing di Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Lapor KKM jika majikan larang bawa anak ambil suntikan

Bagan Serai: Pekerja yang dilarang majikan untuk membawa anak mendapatkan suntikan vaksin COVID-19, boleh membuat laporan terus kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata semua majikan sudah diminta membantu proses pelalian itu dengan memberi kelengkapan kepada pekerja masing-masing, seperti kerja separuh hari atau cuti bagi membolehkan mereka membawa anak mendapatkan vaksin.

"KKM tetap memantau perkara ini biarpun belum ada sebarang laporan diterima berikutan majikan melarang pekerja membawa anak mereka disuntik vaksin. Sejak Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PI-

CKids) bermula 3 Februari lalu, tidak ada laporan mengenai perkara itu diterima.

"Difahamkan sudah ramai ibu bapa mengemukakan cara sendiri untuk membawa anak mendapatkan vaksin dan saya yakin semua majikan dapat memberi kerjasama baik," katanya pada sidang media selepas lawatan kerja ke Pusat Pemberian Vaksin Kanak-kanak di Dewan Seri Selinsing, Gunung Semanggol, di sini semalam.

Dr Noor Azmi berkata, ibu bapa juga disarankan mendapatkan imunisasi COVID-19 untuk anak masing-masing ekoran kebimbangan peningkatan Sindrom Kerdangan Pelbagai Sistem Dalam Kanak-kanak (MISC).

"Berdasarkan kajian 14 hospital di bawah KKM, 174 orang



Dr Noor Azmi melakukan suntikan vaksin kepada Muhammad Iqbal Ishak pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak di Dewan Seri Selinsing, Gunung Semanggol, semalam. (Foto BERNAMA)

didapati ada MISC dan daripada itu, 50.1 peratus adalah kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun, manakala rekod kematian adalah empat peratus," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menasihati ibu bapa pelajar Kolej Matrikulasi Gopeng tidak bimbang keselamatan kesihatan anak mereka walaupun

terdapat penularan jangkitan COVID-19 di kolej itu, baru-baru ini.

"Difahamkan pihak kolej telah mengasingkan semua pelajar yang dijangkiti di kuarters kakitangan dan bilik tetamu, manakala pelajar yang tidak dijangkiti pula diasingkan di tempat lain dan tidak dibenarkan keluar atau pulang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kesan jangkitan terhadap kanak-kanak lebih parah

Ibu bapa perlu sedar COVID-19 bukan seperti demam selesema, influenza

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya: Ibu bapa yang enggan atau teragak-agak untuk melaksanakan vaksinasi terhadap anak perlu sedar COVID-19 bukanlah seperti demam selesema atau influenza, sebaliknya kesannya lebih parah.

Pakar kanak-kanak negara, Datuk Dr Musa Mohd Nordin, berkata data dari Amerika Syarikat (AS) menunjukkan kesan COVID-19 terhadap kanak-kanak sehingga menyebabkan kematian adalah jauh lebih teruk berbanding demam selesema.

Beliau berkata, sepanjang lima tahun, iaitu antara 2015 hingga 2019, seramai 668 kanak-kanak di AS maut akibat demam selesema berbanding kematian 737 kanak-kanak akibat jangkitan COVID-19 sepanjang dua tahun iaitu 2020 dan 2021.

Katanya, pada 2021, hanya tiga kanak-kanak di AS maut akibat

demam selesema berbanding 539 kanak-kanak yang menderitai COVID-19.

"Pada tahun ini di AS, dua kanak-kanak meninggal dunia akibat demam selesema berbanding 58 yang maut akibat COVID-19."

"Bagi melindungi anak anda daripada demam selesema atau influenza sejak mereka berusia enam bulan dan pelalian terhadap COVID-19 bermula pada usia lima tahun," katanya kepada BH.

Pada masa sama, beliau berkata, kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 terdedah kepada *Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C)* iaitu kesan COVID-19 yang paling parah.

Katanya, apabila ia berlaku, hampir keseluruhan organ dalam kanak-kanak boleh dijangkiti dan mengalami keradangan. Dr Musa berkata, kanak-kanak

berusia antara lima hingga 11 tahun golongan yang paling mudah diserang keadaan sedemikian.

Pakar Perunding Pediatrik dan Pediatrik Nefrologi Hospital Selayang, Dr S Selva Kumar, berkata kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun yang tidak divaksin dan dijangkiti COVID-19 berisiko menghadapi komplikasi serius khususnya MIS-C memabatkan pelbagai organ dalam terutama jantung, paru-paru dan otak.

Katanya kebimbangan pakar pediatrik ketika ini ialah ramai dalam kalangan golongan itu telah dijangkiti COVID-19 dan terdedah dengan risiko MIS-C.

"Kami (pihak hospital) juga gerun sekiranya kanak-kanak mempunyai masalah MIS-C. Misalnya, tahun lalu, seorang pesakit kanak-kanak mengalami MIS-C, keadaannya serius dan

membimbangkan yang memerlukan rawatan intensif (alat pernafasan dan dialisis) sehingga pulih," katanya ketika dihubungi BERNAMA, semalam.

Dr Selva Kumar yang juga Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Selayang berkata ibu bapa yang mempunyai anak dengan penyakit kronik disarankan segera mendaftar vaksinasi COVID-19.

Pakar Perunding Pediatrik dan Penyakit Berjangkit Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Dr Nik Khairulddin Nik Yusoff, pula berkata MIS-C berpotensi menjadi kesan jangkitan COVID-19 berpanjangan pada tubuh badan kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19.

Beliau berkata, dengan suntikan vaksin COVID-19, ia mampu menghasilkan imuniti dalam tubuh badan kanak-kanak dan memberikan perlindungan daripada kesan wabak berkenaan.

Dr Nik Khairulddin berkata, ibu bapa sebagai 'pelindung pertama' anak-anak perlu memainkan peranan mereka dan mengambil langkah proaktif bagi melindungi golongan itu daripada terdedah kepada kesan jangkitan virus berbahaya itu.

"Ibu bapa perlu memahami fakta tepat daripada sumber yang sahih berkaitan vaksin untuk menangkis segala kekusaran berkenaan vaksin COVID-19," katanya.

18,230 kes paling tinggi babit pesakit kategori dua

Putrajaya: Sebanyak 26,832 kes baharu COVID-19 dilaporkan kelmarin, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan di negara ini meningkat kepada 3,221,680 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes yang direkodkan itu membabitkan 26,764 kes penularan tempatan dengan 68 kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Memperincikan mengenai kes kelmarin, Dr Noor Hisham berkata, paling tinggi adalah pesakit dalam kategori dua, iaitu 18,230 kes atau 67.94 peratus.

"Selain itu sejumlah 8,469 kes (31.56 peratus) pula adalah pesakit dalam kategori satu, diikuti kategori tiga (66 kes), kategori empat (38 kes) dan kategori lima (29 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, katanya, kadar kebolehjangkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 di negara ini menurun kepada 1.21 pada Sabtu lalu berbanding 1.24 yang direkodkan hari sebelumnya.

Katanya, pada Sabtu sebanyak 13 negeri mencatatkan nilai Rt lebih tinggi berbanding Rt nasional.

Negeri yang mencatatkan nilai Rt melebihi 1.21 adalah Labuan (1.71), Sarawak (1.48), Sabah (1.40), Pulau Pinang (1.36), Terengganu (1.36), Negeri Sembilan (1.35), Perlis (1.32), Kedah (1.31), Kelantan (1.31), Selangor (1.30), Pahang (1.29), Johor (1.24) dan Kuala Lumpur (1.23), Perak (1.20), Melaka (1.19) dan Putrajaya (1.17).

Tiga negeri merekodkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus iaitu Johor 32 daripada 46 katil yang dikhaskan untuk kes COVID-19 kini sudah diisi.

"Selain itu ialah Kuala Lumpur yang sudah menggunakan 65 peratus daripada keseluruhan 26 katil ICU yang diperuntukkan kepadanya untuk merawat pesakit COVID-19 serta Melaka merekodkan 50 peratus pengisian daripada jumlah keseluruhan 24 katil di wad berkenaan," katanya.

Bagi katil bukan ICU, terdapat empat negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus iaitu di Selangor dengan 104 peratus, Perlis (101 peratus), Kelantan (96 peratus) dan Perak (91 peratus).

Dr Noor Hisham turut memaklumkan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan turut meningkat kepada 139 pesakit serta peratusan penggunaan alat berkenaan adalah sebanyak 36 peratus.

“Bagi melindungi anak anda daripada demam selesema atau influenza sejak mereka berusia enam bulan dan pelalian terhadap COVID-19 bermula pada usia lima tahun”

Dr Musa Mohd Nordin,
Pakar kanak-kanak negara



Kebanyakan mukim di negeri Semenanjung kategori Zon Merah

Kuala Lumpur: Sebahagian besar mukim di negeri Semenanjung dikategorikan Zon Merah COVID-19 berikutan penularan wabak itu.

Di Selangor, data pergerakan 14 hari taburan kes COVID-19 sehingga semalam yang diperoleh daripada Jabatan Kesihatan Negeri melalui laman Facebook masing-masing, menunjukkan hanya mukim Hulu Semenyih di daerah Hulu Langat serta Hulu Tinggi (Kuala Selangor) dan Sungai Tinggi di Hulu Selangor ditakrifkan Zon Hijau, iaitu tiada kes.

Mukim Peretak dan Sungai Gumut dekat Hulu Selangor ditakrifkan sebagai Zon Kuning, manakala mukim Pasangan dekat Kuala Selangor dan mukim Kelanang, Kuala Langat pula dika-

tegorikan Zon Jingga.

Sesuatu daerah akan dikategorikan sebagai Zon Merah apabila mencatat 41 kes ke atas, Zon Jingga (21 hingga 40 kes), Zon Kuning (satu hingga 20 kes) dan Zon Hijau bagi daerah bebas kes COVID-19.

Begitu juga dengan Johor, empat daerah mencatatkan keseluruhan Zon Merah, iaitu Muar, Batu Pahat, Kulai dan Johor Bahru, sementara pulau dekat Mersing dan Kambau, Kota Tinggi antara dua mukim masih dikategorikan Zon Hijau.

Beberapa mukim seperti Bekok dan Sermin dekat Segamat serta Sungai Pinggan (Pontian) dikategorikan Zon Jingga enam mukim lain berada dalam Zon Kuning, iaitu Kundang (Tangkak), Nyior (Kluang), Lenggur,

Penyabong dan Sembrong dekat Mersing serta Sungai Karang, Pontian adalah Zon Kuning.

Kebanyakan daerah di Terengganu dan Perak masing-masing menunjukkan taburan kes yang tidak terlalu tinggi bagi Zon Merah memabatkan mukimnya.

Tinjauan di Facebook Jabatan Kesihatan Negeri yang lain, menunjukkan ada yang tidak menunjukkan kemas kini taburan kes mengikut daerah dan mukim.

Di Negeri Sembilan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar negeri, S Veerapan, berkata semua tujuh daerah di negeri itu merekodkan jumlah pesakit COVID-19 yang tinggi dan diletakkan dalam Zon Merah.

Katanya, daripada 61 mukim di negeri berkenaan, 38 daripadanya Zon Merah dengan Mukim Ampangan mencatatkan kes baharu paling tinggi, iaitu sebanyak 63 kes.

"Antara mukim yang mencatatkan kes aktif paling tinggi ialah Labu (1,357), Ampangan (1,284), Si Rusa (661) dan Setul (606). Lima mukim di Zon Jingga dan 15 mukim mencatatkan Zon Kuning."

"Hanya terdapat tiga mukim di Zon Hijau, iaitu Langkap dan Parit Tinggi masing-masing di Kuala Pilah serta Legung Ulu di Rembau," katanya.

Beliau berkata, semua mukim di daerah Seremban, Port Dickson dan Jempol mencatatkan Zon Merah membabitkan 18 mukim.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

8 pusat kosmetik haram diserbu

**Imigresen
bongkar kegiatan
guna pekerja
warga asing tawar
harga murah**

Oleli Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Dengkil: Jabatan Imigresen membongkar kegiatan pusat kecantikan dan pergigian haram yang menggunakan warga asing sebagai pekerja dengan menawarkan harga murah berbanding perkhidmatan profesional.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata pusat berkenaan mengenakan caj murah antara RM350 hingga RM8,000 yang menjadi modus operandi utama bagi menarik perhatian pelanggan.

Katanya siasatan mendapati pelanggan yang berminat mendapatkan suntikan kecantikan di bahagian mata (eye filler) dikenakan bayaran RM350, suntikan membesarkan payudara (RM1,900), tegangan kulit punggung atau botox punggung (RM3,500) dan pembedahan plastik mencecah hingga RM8,000.

Katanya modus operandi itu dikesan hasil serbuan serentak di lapan premis kecantikan se-



Khairul Dzaimie pada operasi penguatkuasaan Imigresen di Southville City, Dengkil, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

kitar Lembah Klang seperti Dengkil, Kepong, Puchong dan Kuchai, selain Pulau Pinang serta Negeri Sembilan, semalam.

Beliau berkata, serbuan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) membawa kepada penahanan 16 warga Vietnam termasuk seorang lelaki dan lima wanita warga Indonesia berusia antara 25 hingga

40 tahun.

Katanya, siasatan mendapati perkhidmatan rawatan kecantikan itu dijalankan warga asing tidak mempunyai kemahiran profesional dan tidak diiktiraf KKM, selain boleh mendatangkan risiko kematian, kerosakan organ serta tubuh badan.

"Berdasarkan pemerhatian, pelanggan terdiri daripada warga tempatan seperti suri rumah

dan eksekutif, manakala tujuh premis diserbu disewa dan satu lagi milik warga asing.

"Perkhidmatan pusat rawatan kecantikan itu mendapat sambutan menggalakkan kerana mengenakan bayaran rendah, berbanding pusat rawatan berlesen dikendalikan golongan profesional bertauliah.

"Hasil risikan empat bulan, kita mendapati pusat itu menawar-

kan pelbagai rawatan mencantikan hidung dan membesarkan anggota badan, selain suntikan vitamin C, perkhidmatan kuruskan badan, rawatan pemutihan serta pemasangan pendakap gigi.

"Perkhidmatan itu diiklankan di Facebook, WeChat dan Instagram. Semakan lanjut mendapati pelanggan perlu request (membuat permohonan) untuk mendapat akses iklan itu terutama di Instagram," katanya pada sidang media di lokasi serbuan di Southville City, di sini, semalam.

Semua tahanan ditempatkan di depot imigresen mengikut Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 kerana kesalahan tinggal lebih masa serta salah guna pas lawatan sosial.

Ditanya kegiatan itu didalangi sindiket, Khairul Dzaimie berkata perkara itu masih dalam siasatan.

"KKM juga akan siasat jika tahanan ada membuat kesalahan lain. Kita terus bekerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan untuk menumpaskan sindiket atau individu yang menjalankan kegiatan itu.

"Ia untuk memberikan kesedaran kepada rakyat mengenai bahayanya rawatan kecantikan tidak bertauliah. Tindakan tegas akan dikenakan ke atas mereka yang didapati melanggar kesalahan berkaitan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

LAPAN SERBUAN DI EMPAT NEGERI

21 'pakar' kecantikan ditahan

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Dengkil

Seramai 21 warga asing ditahan selepas dipercayai terbabit dengan sindiket pusat rawatan kecantikan serta rawatan gigi tanpa tauliah dalam lapan serbuan berasingan di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, semalam.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud berkata, pihaknya melakukan serbuan itu bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri selepas risikari dilakukan sejak lima bulan lalu di premis itu yang tidak berdaftar.

"Dalam serbuan ini, kami menahan seramai 21 warga asing termasuk seorang lelaki membabitkan 16 individu dari Vietnam dan lima individu dari Indonesia berusia 25 hingga 40 tahun.

"Semasa pemerhatian dilakukan sepanjang tempoh risikari di pusat rawatan kecantikan berkenaan, mereka didapati memberikan perkhidmatan serta rawatan kompleks yang memerlukan penggunaan alat perubatan.

"Ini termasuk rawatan mencantikkan hidung, rawatan membesarkan anggota badan tertentu atau dikenali sebagai *filler*, khidmat dan rawatan pemutihan gigi, perkhidmatan suntikan vitamin C dan botox serta perkhidmatan menguruskan badan seperti prosedur *Slimming Drimp*," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di sebuah pusat rawatan kecantikan di Southville City, semalam.

Dalam serbuan itu, pihaknya menahan seorang wanita warga Indonesia yang juga pekerja di pusat kecantikan berkenaan bersama dua pelanggan warga tempatan dan seorang pelanggan warga Indonesia berusia lingkungan 20-an hingga 30-an.

Katanya, perkhidmatan rawatan kecantikan itu dijalankan oleh warga asing yang tidak mempunyai kemahiran profesional diiktiraf oleh KKM yang boleh mendatangkan risiko kematian serta kerosakan organ dan tubuh badan.

"Berdasarkan pemerhatian dilakukan, kami mendapati pelanggan pusat rawatan kecantikan ini terdiri daripada individu tempatan



ANGGOTA penguat kuasa menahan pemilik pusat kecantikan yang beroperasi secara haram di Southville City, Dengkil. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD



ANTARA alat perubatan yang digunakan warga asing terbabit sindiket pusat rawatan kecantikan tanpa tauliah.

seperti suri rumah dan pegawai eksekutif.

"Perkhidmatan pusat rawatan kecantikan ini mendapat sambutan yang tinggi kerana menawarkan bayaran rendah berbanding pusat rawatan berlesen yang dikendalikan oleh profesional yang bertauliah.

"Kadar caj dikenakan adalah antara RM350 dan RM8,000 bagi rawatan seperti *eye filler* sebanyak RM350, *breast filler* RM1,900, *botox filler* punggung RM3,500 dan pembedahan plastik RM8,000," katanya.

Beliau berkata, modus operandi sindiket berkenaan adalah mempromosi perkhidmatan itu melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan WeChat.

"Hasil semakan dilakukan mendapati kebanyakan akaun pusat rawatan kecantikan berkenaan diletakkan dalam status *private* khususnya bagi aplikasi Instagram sekali gus memerlukan pelanggan untuk *request* bagi

mengikuti akaun mereka.

"Semakan juga mendapati tujuh dari lapan pusat rawatan diserbu ini didapati disewa manakala satu lagi premis adalah dimiliki seorang warga asing," katanya.

Menurutnya, semua warga asing yang ditahan akan direman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Kes ini akan disiasat secara lanjut oleh pihak KKM atas mana-mana pelanggan yang berkaitan. Semua tahanan akan ditempatkan di Depot Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Jabatan Imigresen Malaysia akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan untuk menumpaskan sindiket atau individu yang menjalankan kegiatan ini bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya rawatan kecantikan yang tidak



Kami mendapati pelanggan pusat rawatan kecantikan ini terdiri daripada individu tempatan seperti suri rumah dan pegawai eksekutif"

Khairul Dzaimie

bertauliah.

"Tindakan tegas juga akan dikenakan ke atas mereka yang didapati melanggar kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966 serta Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007," katanya.

Harian Metro melalui laporan khas secara eksklusif sebelum ini melaporkan terdapat lebih 20 pusat kecantikan atau medispa di Lembah Klang dan beberapa negeri di utara serta selatan tanah air didalangi pakar bedah warga asing yang menjalankan prosedur pembedahan untuk rawatan berkenaan dengan harga bajet.

Biar pun tidak mempunyai lesen sah atau tauliah, pusat kecantikan terbabit aktif mempromosikannya di media sosial seperti TikTok, Instagram dan Facebook dengan memuat naik gambar atau video testimoni pelanggan yang sudah berjaya menjalani pembedahan berkenaan selain 'menjaja' pembedahan itu dilakukan 'pakar luar negara'.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Vaksin jadi 'perisai'

Tiada kes kematian ibu hamil akibat Covid-19 setakat 15 Februari

Kuala Lumpur

Sebanyak 79 peratus daripada 191 kes kematian akibat komplikasi jangkitan Covid-19 dalam kalangan ibu hamil pada tahun lepas terdiri daripada mereka yang tidak menerima suntikan vaksin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham

Abdullah berkata, semua kematian dalam kalangan ibu hamil yang dilaporkan sejak pandemik Covid-19 melanda negara, turut melibatkan 83 peratus daripada mereka yang mempunyai komorbiditi.

Namun, menurutnya, bagi

tahun ini sehingga 15 Februari, tiada kes kematian melibatkan ibu hamil disebabkan oleh jangkitan Covid-19 dilaporkan.

"Liputan vaksin yang tinggi iaitu 94.7 peratus pada umur 18 tahun ke atas tercapai pada

Oktober 2021 dan ini menyumbang kepada penurunan kematian ibu hamil akibat komplikasi Covid-19," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook beliau.

Beliau berkata, sejumlah 18,277 kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan ibu hamil dilaporkan dari Mac 2020 sehingga Januari tahun ini.

Liputan vaksin yang tinggi tercapai pada Oktober 2021



Tenang ambil vaksin

SEORANG kanak-kanak menerima suntikan vaksin dos pertama di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Tapak Pesta, Sungai Nibong, Georgetown, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

Jumlah kes catat sedikit penurunan

Kuala Lumpur: Kes harian baharu Covid-19 yang direkodkan kelmarin menurun kepada 26,832 berbanding 28,825 kes pada Sabtu.

Ketua Pengarah Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes baharu itu menjadikan kumulatif kes jangkitan virus itu di negara ini sebanyak 3,221,680 kes.

Beliau berkata, sebanyak 18,459 kes sembuh direkodkan kelmarin, menjadikan kumulatif sebanyak 2,937,655 kes.

"Daripada jumlah keseluruhan kes harian, 68 kes import dicatatkan iaitu membabitkan 28 warganegara (41.2 peratus) dan 40 bukan warganegara (58.8 peratus).

"Penularan kes tempatan pula membabitkan 26,764 kes iaitu 26,054 warganegara

(97.3 peratus) dan 710 bukan warganegara (2.7 peratus)," katanya dalam kenyataan media mengenai status terkini kes Covid-19 di Malaysia pada 20 Februari 2022, semalam.

Beliau berkata, kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah 261 kes (yang mana 98 kes disahkan Covid-19; 163 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

Katanya, sebanyak 139 kes memerlukan bantuan pernafasan yang mana 61 kes disahkan Covid-19; 78 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan.

"Daripada jumlah kes

harian yang dilaporkan pada 20 Februari, sebanyak 133 kes (0.50 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5 dan 26,699 kes (99.50 peratus) lagi adalah kategori 1 dan 2.

"Kategori 1 adalah 8,469 kes (31.56 peratus), kategori 2 sebanyak 18,230 kes (67.94 peratus), kategori 3 sebanyak 66 kes (0.25 peratus), kategori 4 sebanyak 38 kes (0.14 peratus) dan kategori 5 sebanyak 29 kes (0.11 peratus)," katanya.

Beliau berkata, daripada 133 kes Covid-19 kategori 3, 4 dan 5 yang baharu dilaporkan, sebanyak 29 kes (21.80 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divak-

sinasi; 75 kes (56.39 peratus) sudah menerima dua dos vaksin Covid-19; 29 kes (21.80 peratus) sudah menerima dos penggalak; 62 kes (46.62 peratus) berusia 60 tahun dan ke atas; 47 kes (35.34 peratus) mempunyai komorbid; dan enam kes (4.51 peratus) ibu mengandung.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 15 kluster baharu dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) kelmarin.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan kluster Covid-19 sejak wabak bermula di negara ini adalah 6,719 kluster, dengan 6,219 kluster sudah tamat.

"Jumlah kluster aktif dengan kebolehjangkitan ketika ini adalah 500 kluster," katanya.

Jumlah kluster aktif dengan kebolehjangkitan ketika ini adalah 500 kluster
Dr Noor Hisham

PENGISIAN KATIL PKRC

Enam negeri catat kenaikan

Kuala Lumpur: Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati penggunaan katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) di tiga negeri iaitu Johor, Kuala Lumpur dan Melaka, sama atau melebihi 50 peratus.

Johor mencatatkan 70 peratus, Kuala Lumpur (65 peratus) dan Melaka (50 peratus).

Sementara, katil bukan ICU di sembilan negeri menunjukkan peratusan pengisian melebihi atau sama 50 peratus.

Negeri berkenaan adalah Selangor (104 peratus), Perlis (101 peratus), Kelantan (96 peratus), Perak (91 peratus), Putrajaya (82 peratus), Johor (82 peratus), Sabah (79 peratus), Kuala Lumpur (77 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, enam negeri iaitu Selangor (74 peratus), Terengganu (58 peratus), Sabah



(57 peratus), Melaka (53 peratus) dan Kelantan (50 peratus) menunjukkan peratusan pengisian katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) melebihi atau sama 50 peratus.

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 139 pesakit dan peratusan penggunaan ventilator secara keseluruhan adalah sebanyak 37 peratus," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Secara keseluruhan, Dr Noor Hisham berkata, KKM mendapati kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih boleh menampung kes Covid-19 dan bukan Covid-19.

Kematian dalam kalangan tidak ambil vaksin lebih tinggi

Kuala Lumpur: Kadar kematian pesakit Covid-19 dalam kalangan mereka yang tidak mengambil vaksin adalah jauh lebih tinggi berbanding mereka yang mengambil vaksin lengkap dan mendapat dos penggalak.

Menurut data Kematian per (bagi setiap) 100,000 populasi mengikut status vaksinasi bagi 1 Januari hingga 19 Februari yang dikongsi Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin di Twitternya, menunjukkan kadar kematian dalam kalangan pesakit berumur antara 40 hingga 49 tahun adalah sebanyak 92.09 bagi setiap 100,000 penduduk.

Kadar itu jauh lebih tinggi berbanding kadar kematian 3.08 kematian bagi pesakit yang lengkap vaksin dan 3.18 kematian bagi kalangan pesakit yang mengambil dos penggalak bagi kategori usia yang sama.

Bagi pesakit berusia 80 tahun ke atas, kadar kematian ialah 167.06 dalam kalangan yang tidak mengambil vaksin, berbanding 119.34 kematian yang mem-

punyai vaksin lengkap dan 42.00 kematian bagi pesakit yang mendapat dos penggalak.

Menurut data itu lagi, kadar kematian bagi pesakit berumur 18 hingga 29 tahun yang tidak mengambil vaksin ialah 8.14 berbanding 0.98 bagi penerima vaksin lengkap dan 0 bagi pesakit yang mengambil dos penggalak.

Bagi kumpulan pesakit berusia 30 hingga 39 tahun, data tersebut menunjukkan kadar kematian 14.00 bagi setiap 100,000 penduduk berbanding 1.90 kematian bagi yang menerima vaksin lengkap manakala 4.18 kematian bagi pesakit yang mengambil dos penggalak.

Data itu menunjukkan kadar kematian sebanyak 49.46 bagi setiap 100,000 penduduk dalam kalangan pesakit yang tidak mengambil vaksin, 6.62 kematian dalam kalangan lengkap vaksin dan 4.41 kematian bagi yang mengambil dos penggalak bagi kumpulan pesakit berusia 50 hingga 59 tahun.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

37 kematian baharu dicatatkan kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 513,393 individu atau 14.5 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVIDNOW, sejumlah 13,992,391 atau 59.5 peratus populasi dewasa di dalam negara pula telah menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,944,158 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,221,715 atau 98.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,798,806 individu atau 90 peratus daripada kumpulan itu telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala



SEORANG kanak-kanak, Hafizatul Zulfalida Mohd, 9, melihat picagari sebelum menerima suntikan vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Dewan Seri Selinsing, Gunung Semanggi, semalam.

2,884,882 atau 92.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 128,153 dos suntikan vaksin telah diberikan semalam membabitkan 61,230 suntikan dos pertama, 464 suntikan dos lengkap dan 66,459 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kini meningkat kepada 66,148,498.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 37 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin, dengan Johor merekodkan sembilan kes, diikuti Selangor (tujuh), Kedah (enam), Perak dan Sabah masing-masing empat kes, Pulau Pinang (tiga), Pahang (dua) dan satu kes masing-masing di Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Rt Covid-19 negara menurun kepada 1.21

Kuala Lumpur: Kadar kebolehan jangkitan atau R-naught (Rt) Covid-19 di negara ini menurun kepada 1.21 pada Sabtu lalu, berbanding 1.24 yang direkodkan hari sebelumnya.

Data dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menunjukkan pada Sabtu sebanyak 13 negeri mencatatkan nilai Rt lebih tinggi berbanding Rt nasional.

Negeri yang mencatatkan nilai Rt melebihi 1.21 adalah Labuan (1.71), Sarawak (1.48), Sabah (1.40), Pulau Pinang (1.36), Terengganu (1.36), Negeri Sembilan (1.35), Perlis (1.32), Kedah (1.31), Kelantan (1.31), Selangor (1.30), Pahang (1.29), Johor (1.24) dan Kuala Lumpur (1.22).

Negeri dengan kadar Rt di bawah paras 1.21 adalah Perak (1.20), Melaka (1.19) dan Putrajaya (1.17). Kelmarin, Malaysia merekodkan 26,832 kes baharu menjadikan keseluruhan kes positif di negara ini mencecah 3,221,680 kes.

Dr Noor Hisham berka-



DR Noor Hisham

ta, maklumat terperinci berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan Covid-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my> yang mana data akan dikemas kini pada jam 12 tengah malam setiap hari.

Bellau berkata, individu positif Covid-19 kategori 1 dan 2A serta tidak berisiko tinggi (60 tahun ke bawah dan tidak mempunyai komorbid) tidak perlu hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui Health Assessment Tool (HAT) dalam aplikasi MySejahtera.

KANAK-kanak ditemani ibu bapa dan penjaga mereka dilihat sedang menunggu giliran untuk menerima suntikan vaksin masing-masing melalui PICKids ketika tinjauan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Axiata Arena, Bukit Jalil.



Lepasi angka sejuta

Pendaftaran kanak-kanak mendapatkan vaksin dalam PICKids

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pendaftaran kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun bagi mendapatkan vaksin dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) kini sudah melepasi sejuta individu.

Jumlah itu bersamaan 28 peratus daripada jumlah populasi berkenaan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, sebanyak 1,022,966 kanak-kanak

akan mendapatkan pelalian berkenaan dalam PICKids yang diperkenalkan sejak 3 Februari lalu.

Dalam pada itu, Khairy turut berharap supaya ibu bapa tidak mengambil sikap 'tunggu dan lihat' dalam isu pemberian vaksin kepada anak mereka.

"Ini kerana kadar kemasukan kanak-kanak di dalam hospital mula meningkat. Daftarkan anak anda di PICKids hari ini," katanya dalam satu ciapan di Twitter, semalam.

Menerusi ciapan yang sama, Khairy turut memaklumkan sebanyak 269,400 kanak-kanak di Selangor sudah didaftarkan untuk me-

nerima imuniti COVID-19, sekaligus menjadi negeri paling tinggi dalam pendaftaran PICKids.

"Ia diikuti Johor (150,800), Kuala Lumpur (96,700), Sarawak (90,000), Pulau Pinang (69,000), Perak (66,000), Kedah (55,400), Pahang (44,500), Melaka (39,500), Sabah (39,000), Negeri Sembilan (36,000), Terengganu (28,100), Kelantan (21,900), Putrajaya (9,200) dan Perlis (4,700) dan Labuan (2,000)," katanya.

Memperincikan jumlah pemberian vaksin mengikut etnik, Khairy berkata kanak-kanak daripada kaum Cina paling tinggi mendapatkan pelalian berkenaan

di negara ini iaitu sebanyak 46.4 peratus.

"Kanak-kanak kaum Cina di luar negeri yang sudah mendapatkan vaksin melebihi 50 peratus ialah di Melaka (80.3 peratus), Kedah (65.5 peratus), Kuala Lumpur (61.3 peratus), Perak (58.4 peratus), Pahang (58.1 peratus), Perlis (59 peratus), Terengganu (53.6 peratus) dan Selangor (53.5 peratus)," katanya.

Sementara itu, menerusi laman web COVIDNOW, sehingga semalam 14.5 peratus atau 513,393 kanak-kanak di negara ini sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Oleh SYALMIZI HAMID, HARRITH HISHAM, DIYANATUL ATIQA ZAKARYA, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF, LIYANA RAMLI dan NUR AMALINA AZMAN

Pendapatan merudum ekoran pelanggan batal tempahan ketika cuti sekolah

Omicron jejas industri pelancongan

PETALING JAYA - Rata-rata pengusaha hotel, rumah penginapan dan peniaga di seluruh negara bakal mengalami penyusutan pendapatan apabila ramai pelanggan mula membatalkan tempahan bilik selepas risau dengan keselamatan masing-masing ekoran peningkatan jangkitan Covid-19 varian Omicron ketika ini.

Pembatalan tempahan sepanjang musim cuti penggal persekolahan selama tiga minggu bermula Sabtu ini menyebabkan ramai hanya mahu bersiar-siar di lokasi dekat dengan kediaman yang tidak memerlukan mereka menginap di kawasan sesak.

Bagaimanapun, ada juga pengusaha yang masih menerima tempahan dan premis dikunjungi pelancong dengan syarat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan lengkap dos vaksin.

Di **Kuala Terengganu**, Setiausaha Persatuan Pengusaha Resort Pulau Redang, Lim You Jing berkata, hampir 80 peratus tempahan yang diterima untuk musim cuti sekolah telah dibatalkan oleh pelanggan.

"Kami akur kerana sebahagian besar pengunjung risau dengan peningkatan mendadak kes Covid-19 kebelakangan ini. Ini satu berita buruk buat pengusaha seperti kami yang telah menanggung kerugian selama dua tahun."

"Kami baru hendak bangkit tetapi sudah terjejas. Sekumpulan 10 pengusaha resort di sini sudah belanja puluhan ribu ringgit seorang untuk membuat persediaan pembukaan semula 1 Mac ini, namun terpaksa ditangguhkan semula," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.



PENINGKATAN kes Covid-19 mengakibatkan pelancong mengelak untuk pergi ke lokasi pelancongan.



BANDAR raya Melaka yang sering dipenuhi pengunjung menjadi lengang apabila ramai yang membatalkan tempahan hotel menjelang cuti sekolah.

Pengusaha Redang Bay Resort itu berkata, semangat mereka seolah-olah direntap kerana segala usaha promosi sudah dilakukan.

Di **Melaka**, Pengerusi Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia Melaka, Szaliti Sabri berkata, sebanyak 30 peratus tempahan bilik hotel telah dibatalkan pengunjung.

Katanya, ketika ini, pengunjung yang menempah untuk menginap hanya 40 peratus.

"Pada musim perayaan Tahun Baharu Cina, hotel-hotel di negeri ini memang penuh, namun sejak kes Covid-19 meningkat, jumlah tempahan turun 40 peratus dan kini kami menerima pembatalan sehingga 30 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Inap Desa Melaka, Datuk Akramuddin Abdul Aziz pula memberitahu, setakat ini tempahan diterima masih memberangsang-

kan sehingga hujung minggu ini. "Pada hari biasa pun masih ada pengunjung yang menginap di rumah inap desa," katanya.

Di **Langkawi**, Naib Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia Kedah dan Perlis, Razmi Rahmat berkata, tempahan hotel dan pakej pelancongan di pulau peranginan itu tidak menunjukkan peningkatan ketara pada musim cuti sekolah.

"Hotel tiga bintang secara kasar terima 20 peratus tempahan. Mungkin ada yang buat tempahan saat akhir," katanya.

Bagi Pengarah Urusan Honeyzone Travel And Tours Sdn. Bhd., Hanishah Hasan, 42, dia menerima kira-kira 50 peratus tempahan pakej pelancongan berbanding pada cuti persekolahan sebelum ini.

"Biasanya kami menerima lebih kurang 80 hingga 90 tempahan. Kereta sewa juga tidak habis ditempah," ujarnya.

Berbeza pula di **Pulau Pinang** apabila Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia Pulau Pinang, K. Raj Kumar memberitahu, peningkatan kes Covid-19 tidak begitu memberi kesan kepada kehadiran pelancong.

"Percutian diteruskan kerana ramai sedar terpaksa hidup dengan Covid-19 dan kebanyakannya sudah mengambil vaksin dan dos penggalak."

"Tempahan hotel ketika cuti sekolah mencecah 60 peratus dan ia kurang ketika Disember lalu iaitu 95 peratus. Kebanyakan yang membatalkan tempahan melibatkan acara atau majlis," katanya.

Menurut Raj Kumar, kekurangan tempahan juga disebabkan oleh faktor lain seperti melancong ke tempat lain kerana sudah kerap ke Pulau Pinang.

Hendak cuti boleh tetapi ambil vaksin, dos penggalak

PETALING JAYA - Orang ramai boleh meneruskan percutian tetapi perlu memastikan mereka sudah mengambil vaksin dan dos penggalak selain membuat ujian saringan setiap kali terdedah dengan risiko jangkitan Covid-19.

Pakar Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Malina Osman berkata,

perkara itu penting bagi mengurangkan risiko jangkitan varian Omicron yang semakin menular.

"Bagaimanapun, orang ramai terutama kumpulan berisiko dinasihatkan supaya mengurangkan pergerakan dan perjalanan yang tidak penting ketika musim cuti sekolah bagi menyekat penularan Covid-19."

"Bagi yang bekerja, patuhi

prosedur operasi standard serta menghadkan penggunaan pantri dan surau. Jangan buka pelitup muka di tempat kerja," katanya.

Dalam pada itu di **Perak**, seorang pengunjung Pulau Pangkor, Muhaimin Ahmad, 31, berkata, dia hampir membatalkan percutian yang telah dirancang selama enam bulan itu kerana khuatir dengan kes Covid-19 yang sama-

kin meningkat.

"Saya pergi minggu ini untuk elak orang lebih ramai ketika cuti sekolah. Kalau sudah sesak, kadar kebolehan jangkitan pun tinggi," katanya.

Seorang lagi pelancong, Nora Ashikin Abdul Rahman, 45, berkata, dia terpaksa membatalkan percutiannya ke Pulau Pinang pada musim cuti sekolah

ini dan pergi ke Pulau Pangkor.

"Ahli keluarga di Pulau Pinang juga ada yang telah dijangkiti Covid-19, jadi kami batalan saja cuti ke sana."

"Saya pergi minggu ini kerana saya rasa orang akan lebih ramai masuk ke Pulau Pangkor pada minggu hadapan kerana musim cuti sekolah. Saya tidak mahu merisikokan diri," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

79 peratus ibu hamil kena Covid-19 maut

PUTRAJAYA – Sebanyak 18,277 kes Covid-19 melibatkan golongan ibu hamil telah dilaporkan di seluruh negara sejak Mac 2020 sehingga Januari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 191 kes kematian telah dilaporkan dengan 79 peratus daripadanya dikesan tidak menerima vaksin.

Menurutnya, berdasarkan analisa pada data diperolehi, sebanyak 83 peratus daripada kes kematian ibu hamil itu mempunyai komorbid.

"Kesemua kematian melibatkan ibu hamil yang dilaporkan dikesan berlaku pada ta-

hun 2021 dan pada tahun ini sehingga 15 Februari lalu tiada sebarang kes kematian melibatkan ibu hamil disebabkan Covid-19 dilaporkan," katanya menerusi satu perkongsian di laman Facebook semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, kematian tertinggi dalam kalangan ibu hamil direkodkan pada Ogos tahun lalu dengan 77 kematian.

Sementara itu, sebanyak 26,832 kes positif Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan 133 kes daripadanya merupakan kes kategori tiga, empat dan lima, manakala 26,699 kes kategori satu dan dua. Jumlah kumulatif positif 3,221,680 kes.



GAMBAR fail pada 26 Jun 2021 menunjukkan Margi Shah (kiri), Sabrina W (tengah) dan Siti Norhafizah (kanan), gembira selepas menerima suntikan vaksin di PPV MITEC, Kuala Lumpur. – SHIDDIQIIN ZON

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA



SEBAHAGIAN wanita warga asing yang ditahan dalam serbuan di sebuah premis kecantikan di Dengkil, Selangor semalam. - FAISOL MUSTAFA.

Tawar rawatan termasuk *filler* serendah RM350

Pusat kecantikan tanpa tauliah diserbu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

DENGKIL — Operasi pusat kecantikan yang dijalankan wanita warga asing tanpa tauliah di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tidak bertahan lama selepas digempur pihak berkuasa semalam.

Antara rawatan yang ditawarkan adalah prosedur mencantikkan hidung, membesarkan anggota badan (*filler*), rawatan pemutihan gigi, suntikan vitamin C dan rawatan menguruskan badan pada caj yang lebih murah.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud berkata, dalam operasi di tiga negeri itu, pihaknya menahan seramai 21 wanita warga asing melibatkan serbuan di lapangan premis kecantikan.

Siasatan awal mendapati, pusat kecantikan itu beroperasi tanpa tauliah daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan dikendalikan wanita warga asing yang

tidak mempunyai kelayakan atau kemahiran profesional dalam bidang berkaitan.

"Siasatan turut mendapati, wanita warga asing tersebut tidak mempunyai dokumen perijinan yang sah, malah premis rawatan berkenaan tidak berdaftar dengan KKM," katanya selepas menyertai operasi di sini semalam.

Seorang wanita warga Indonesia ditahan di Dengkil, 11 wanita dan seorang lelaki warga Vietnam (Kepong), seorang wanita warga Vietnam (Kuchai), empat wanita warga Indonesia (Puchong) dan tiga wanita warga Vietnam (Pulau Pinang).

"Serbuan ini dilakukan hasil risikan Jabatan Imigresen dan KKM sejak empat bulan lalu," katanya.

Jelas Khairul Dzaimie, pusat kecantikan terbabit dikunjungi wanita tempatan termasuk golongan suri rumah dan eksekutif disebabkan caj rawatan

yang dikenakan jauh lebih murah selain rawatannya yang pelbagai.

Bellau memberitahu, premis itu mengenakan caj RM350 hingga RM8,000 termasuk rawatan *eye filler* (RM350), *breast filler* (RM1,900), *botox filler* (RM3,500) dan pembedahan plastik (RM8,000).

"Pusat rawatan berkenaan juga didapati mempromosikan perkhidmatan mereka menerusi laman Facebook dan Instagram, manakala tempahan rawatan dikendalikan menerusi WeChat.

"Hasil semakan mendapati pelanggan perlu memohon terlebih dahulu untuk memasuki akaun media sosial mereka khususnya Instagram," katanya.

Kesemua suspek ditahan mengikut Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Siasatan turut dijalankan oleh pihak KKM bagi mana-mana pelanggaran akta yang berkaitan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kadar penggunaan katil ICU bawah 50 peratus - KP Kesihatan

KUALA LUMPUR - Kadar penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) hospital di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan serta 11 negeri lain adalah di bawah 50 peratus setakat 20 Februari, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, negeri-negeri itu ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

"Katil ICU yang disediakan di Putrajaya ialah enam dan hanya mencatatkan satu-penggunaan, manakala bagi Labuan sebanyak tujuh katil disediakan dan tidak mencatatkan sebarang penggunaan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, antara negeri yang mencatat kadar peratusan penggunaan katil ICU yang rendah ialah Negeri Sembilan iaitu lapan peratus, Sarawak (13 peratus), Pahang (14 peratus), Kedah (15 peratus), Putrajaya (17 peratus) dan Terengganu (20 peratus).

Beliau berkata, secara keseluruhan, Kementerian Kesihatan mendapati kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih boleh menampung

kes Covid-19 dan bukan Covid-19.

"Namun, setiap negeri telah bersiap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya berlaku peningkatan kes," katanya sambil memberitahu tiga negeri menunjukkan peratusan penggunaan katil ICU lebih 50 peratus iaitu Johor (70 peratus), Kuala Lumpur (65 peratus) dan Melaka (50 peratus).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 26,832 kes Covid-19 dilaporkan pada Ahad menjadikan kes kumulatif kepada 3,221,680 dan daripada jumlah kes baharu itu, 1,438 kes dimasukkan ke hospital.

Beliau berkata, bagi kes baharu, 133 daripadanya adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala 26,699 terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti Covid-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan Covid-19," katanya.

Mengenai kes sembuh, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 18,459 kes dilaporkan pada Ahad menjadikan kes kumulatif sembuh di negara ini ialah 2,937,655. - Bernama



Kadar penggunaan katil ICU di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan serta 11 negeri lain adalah di bawah 50 peratus setakat Ahad.



Sebanyak 513,393 individu atau 14.5 peratus populasi kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini telah menerima dos pertama vaksin Covid-19 setakat Ahad.

Pendaftaran PICKids lepasi angka sejuta

Kuala Lumpur catat jumlah tertinggi pendaftaran diikuti Pulau Pinang dan Putrajaya

KUALA LUMPUR

Pendaftaran Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) kini melepasi sejuta individu iaitu 28 peratus bagi kohort kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun selepas tiga minggu pelaksanaan program itu, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menerusi akaun Twitternya pada Isnin, Khairy berharap ibu bapa tidak lagi mengambil sikap

"tunggu dan lihat" bagi mendaftarkan anak mereka untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

"Harap ibu bapa tidak lagi mengambil sikap 'tunggu dan lihat' sebab kadar kemasukan hospital kanak-kanak mula meningkat. Daftarkan anak anda untuk #PICKids hari ini!" menurut hantaran itu.

Beliau turut berkongsi infografik pendaftaran PICKids setakat Ahad yang menyaksikan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi diikuti Pulau Pinang dan Putrajaya.

Setakat Ahad, sebanyak 513,393 individu atau 14.5 peratus populasi kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini telah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui program itu yang mula dilaksanakan pada 3 Februari

lepas.

